



Akidah Yang Benar

Melayu

ملايو

العقيدة الصحيحة



Panel Akademik Hal Ehwal Agama
Masjidil Haram dan Masjid Nabawi

العَقِيدَةُ الصَّحِيحَةُ

Akidah Yang Benar

اللَّجَّةُ الْعِلْمِيَّةُ

بِرئاسة الشُّؤْنِ الدِّيْنِيَّةِ بِالمَسْجِدِ الحَرَامِ وَالمَسْجِدِ النَّبَوِيِّ

Panel Akademik Hal Ehwal Agama Masjidil
Haram dan Masjid Nabawi

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Akidah Yang Benar

Jawatankuasa Ilmiah Pentadbiran Hal Ehwal Agama Masjid al-Haram dan Masjid al-Nabawi

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Mengasihani

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah, Yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya. Aku bersaksi bahawa Muhammad ialah hamba-Nya dan Rasul-Nya. Selawat dan salam ke atas baginda, juga ke atas ahli keluarganya, para sahabatnya serta orang-orang yang mengikuti mereka dengan benar sehingga hari pembalasan.

Ammā ba'd:

Sesungguhnya Allah ﷻ telah menciptakan kita di dunia yang fana ini dengan satu tujuan yang mulia dan agung, iaitu: untuk menyembah-Nya semata-mata dan mengakui keesaan-Nya, sebagaimana firman-Nya:

﴿وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ﴾ ٥١ مَا أُرِيدُ مِنْهُمْ مِنْ رِزْقٍ وَمَا أُرِيدُ

أَنْ يُطْعَمُوا ٥٢ إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ ٥٣ ﴿

"Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah-Ku.

Aku tidak menginginkan rezeki daripada mereka dan Aku tidak menginginkan agar mereka

memberi makan kepada-Ku.

Sesungguhnya Allah, Dialah Pemberi rezeki, Yang memiliki kekuatan, yang Maha Ampuh." (al-Dhāriyāt: 56-58)

Inilah matlamat teragung kita dicipta. Kerana matlamat ini, Allah menciptakan makhluk, menurunkan kitab, mengutus para rasul, menciptakan syurga dan neraka, serta membahagikan manusia kepada dua golongan. Allah Ta'ala berfirman:

﴿...فَرِيقٌ فِي الْجَنَّةِ وَفَرِيقٌ فِي السَّعِيرِ﴾

"(Iaitu) satu golongan di syurga dan satu golongan lagi di neraka yang menyala-nyala." (al-Shūrā: 7)

- Tauhid ialah akar agama, tanpanya Allah tidak menerima sebarang agama manusia. Tauhid adalah intisari al-Quran dan teras keimanan.

- Tauhid itulah hakikat agama Islam, ia adalah iman dan petunjuk, ia juga merupakan ketakwaan dan kebaikan.

Allah menamakan Tauhid sebagai Islam, sebagaimana firman-Nya:

﴿إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ...﴾

"Sesungguhnya agama (yang benar) di sisi Allah ialah Islam." (Surah Ali 'Imran: 19), Allah SWT juga berfirman:

﴿وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ﴾^(٨٥)

"Sesiapa yang mencari agama selain Islam, maka tidak akan diterima daripadanya. Pada akhirat kelak, dia akan tergolong dalam kalangan orang yang rugi." (Surah Ali 'Imran: 85).

Dan Allah menamakan Tauhid sebagai iman, sebagaimana firman-Nya:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ءَامِنُوا بِاللّٰهِ وَرَسُولِهِ...﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya..." (Surah al-Nisa': 136) dan firman-Nya:

﴿قُولُوا ءَامَنَّا بِاللّٰهِ وَمَا أُنزِلَ إِلَيْنَا...﴾

"Katakanlah (wahai orang-orang beriman): Kami beriman kepada Allah dan apa yang diturunkan kepada kami." (Surah al-Baqarah: 136).

Allah juga menamakannya sebagai petunjuk, sebagaimana firman-Nya:

﴿...وَلَقَدْ جَاءَهُمْ مِّن رَّبِّهِمُ الْهُدَىٰ﴾

"Dan sesungguhnya telah datang kepada mereka petunjuk daripada Tuhan mereka." (Surah al-Najm: 23)

Dan Allah menamakan Akidah Tauhid sebagai takwa, sebagaimana firman-Nya:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ...﴾

"Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah..." (Surah al-Baqarah: 278)
Firman Allah juga:

﴿يَتَآثَرُ النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ...﴾

"Wahai sekalian manusia, bertakwalah kamu kepada Tuhan kamu..." (Surah al-Nisa': 1)

Dan Allah menamakan Akidah Tauhid sebagai kebaikan (al-birr), sebagaimana firman-Nya:

﴿...وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِاللّٰهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ...﴾

"Akan tetapi kebajikan (yang sebenar) ialah sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat..." (Surah al-Baqarah: 177)

Persaksian Tauhid adalah langkah pertama yang memasukkan seseorang ke dalam Islam, iaitu dengan mengucapkan: "Aku bersaksi bahawa tiada yang berhak disembah melainkan Allah, dan aku bersaksi bahawa Muhammad sebagai utusan Allah."

Allah mengutuskan mesej Tauhid melalui semua para rasul, untuk disampaikan kepada umat manusia. Allah SWT berfirman:

﴿وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا نُوحِيْٓ إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَٰهَ إِلَّا أَنَا

فَاعْبُدُونِ﴾

"Dan Kami tidak mengutus seorang rasul pun sebelum engkau, melainkan Kami wahyukan kepadanya bahawa: Tiada yang berhak disembah

melainkan Aku, maka sembahlah Aku." (Surah al-Anbiyā': 25) Firman Allah juga:

﴿وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ...﴾

"Dan sungguh, Kami telah mengutus kepada setiap umat seorang rasul untuk menyeru: Sembahlah Allah sahaja, dan jauhilah ṭāghūt." (Surah al-Naḥl: 36) Nabi Nuh AS berkata kepada kaumnya:

﴿...اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ...﴾

"Sembahlah Allah sahaja, tiada yang berhak kamu sembah selain Allah." (Surah al-A'rāf: 59) Demikian jugalah seruan yang dilaungkan oleh Nabi Hud, Nabi Soleh, Nabi Shu'ayb dan lain-lain nabi kepada kaum mereka.

Tauhid itulah wahyu Allah yang dikirimkan kepada semua para rasul-Nya yang mulia. Allah ﷻ berfirman:

﴿يُنْزِلُ الْمَلَائِكَةُ بِالرُّوحِ مِنْ أَمْرِهِ عَلَى مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ أَنْ أَنْذِرُوا أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاتَّقُونِ﴾

"Allah menurunkan para malaikat membawa roh daripada sisi-Nya kepada mana-mana hamba yang Dia kehendaki, untuk membawa mesej ancaman: Tiada yang berhak disembah selain-Ku, maka takutlah Aku." (Surah al-Naḥl: 2)

Roh yang dimaksudkan dalam ayat adalah wahyu. Sebahagian ulama lain berpendapat ia

adalah kenabian.

- Tauhid dan dakwah kepadanya telah diwajibkan ke atas Rasulullah SAW sehingga ke akhir hayat Baginda, sebagaimana dalam firman Allah SWT:

﴿وَأَعْبُدْ رَبَّكَ حَتَّى يَأْتِيَكَ الْيَقِينُ﴾

"Dan sembahlah Tuhanmu sahaja (dengan Tauhid) sehingga datang [kematian] yang meyakinkan." (Surah al-Hijr: 99).

- Tauhid adalah asas kepada segala amal soleh, dan ia merupakan syarat utama diterimanya amalan. Allah SWT tidak menerima sebarang amal atau ibadah melainkan apabila padanya terdapat dua syarat:

Keikhlasan kepada Allah semata-mata,

Mengikuti dan menepati syariat Nabi SAW.

Allah SWT berfirman:

﴿...فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ ۚ
أَحَدًا﴾

"...Maka sesiapa yang mengharap bertemu Tuhannya, hendaklah dia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah dia mempersekutukan sesiapa pun dalam ibadah kepada Tuhannya." (Surah al-Kahfi: 110).

Dalam sebuah hadis, Nabi SAW bersabda:

«قَالَ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى: أَنَا أَعْنَى الشُّرَكَاءِ عَنِ الشُّرْكِ، مَنْ عَمِلَ عَمَلًا أَشْرَكَ

فِيهِ مَعِيَ غَيْرِي تَرَكْتُهُ وَشِرْكُهُ»

"Allah SWT berfirman: Aku adalah yang paling tidak berhajat kepada sebarang sekutu. Sesiapa yang melakukan sesuatu amalan, lalu dia mempersekutukan Aku dengan selain-Ku, maka Aku tinggalkan dia dan sekutunya." Riwayat Muslim.

• Setiap amalan yang tidak berpaut dengan Tauhid, maka ia langsung tidak mempunyai nilai. Allah SWT berfirman:

﴿أُولَئِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِ رَبِّهِمْ وَلِقَائِهِ فَحَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فَلَا نُقِيمُ لَهُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ وَزَنًا﴾

"Mereka itu golongan yang menuduh dusta terhadap ayat-ayat Allah dan terhadap pertemuan dengan-Nya, maka gugurlah amalan-amalan mereka. Lalu Kami tidak akan memberi sebarang nilai (timbangan) kepada mereka pada hari kiamat." (Surah al-Kahfi: 105)

• Tauhid ialah kebenaran yang Allah wajibkan ke atas para hamba-Nya. Jika mereka datang membawa Tauhid yang murni, mereka akan berjaya. Jika mereka mencampurinya dengan syirik, maka mereka akan binasa. Allah SWT berfirman:

﴿وَلَقَدْ أَوْحَىٰ إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكَ لَئِنْ أَشْرَكْتَ لَيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ وَلَتَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ﴾

“Telah diwahyukan kepadamu dan kepada nabi-nabi sebelum kamu: Jika kamu syirik, semua amalmu akan terbatal dan kamu pasti termasuk orang yang rugi.” (Surah al-Zumar: 65)

Mu'adz bin Jabal RA meriwayatkan daripada Nabi SAW, Baginda bersabda:

«فَإِنَّ حَقَّ اللَّهِ عَلَى الْعِبَادِ أَنْ يَعْبُدُوهُ وَلَا يُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا، وَحَقَّ الْعِبَادِ عَلَى اللَّهِ: أَنْ لَا يُعَذِّبَ مَنْ لَا يُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا»

"Sungguh! Hak Allah yang wajib dilaksanakan para hamba-Nya adalah mereka menyembah-Nya semata-mata, tanpa sebarang sekutu. Hak hamba yang Allah pasti tunaikan adalah Dia tidak akan mengazab sesiapa yang tidak menyekutukan-Nya langsung." Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

- Tauhid akan menghapuskan dosa, memadamkan noda. Disebutkan dalam hadis Qudsi, bahawa Allah SWT berfirman:

«يَا ابْنَ آدَمَ، إِنَّكَ لَوْ أَتَيْتَنِي بِقُرَابِ الْأَرْضِ خَطَايَا [أي: بمثلها وَمَا يُقَارِبُهَا]، ثُمَّ لَقَيْتَنِي لَا تُشْرِكُ بِي شَيْئًا لَأَتَيْنَكَ بِقُرَابِهَا مَغْفِرَةً»

"Hei anak Adam, jika kamu datang kepada-Ku membawa dosa sebesar bumi, kemudian Kamu datang kepada-Ku dalam keadaan tidak melakukan sebarang syirik, akan Ku-persembahkan untukmu keampunan sebesar bumi juga." Riwayat al-Tirmizi, dinilai Hasan oleh al-Albani.

- Tauhid adalah pintu untuk memasuki syurga, tanpanya seseorang tidak mampu menjejakan

kaki ke syurga. Sesiapa yang melakukan syirik, dia telah menutup pintu ini; sebagaimana firman Allah:

﴿...إِنَّهُ مَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ وَمَأْوَهُ النَّارُ...﴾

"Sungguh! Sesiapa yang mensyirikkan Allah, Allah telah mengharamkan syurga buatnya, dan kesudahannya adalah neraka." (Surah al-Ma'idah: 72)

Dosa syirik tidak akan diampunkan Allah jika mati tidak bertaubat, sebagaimana firman Allah SWT:

﴿إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ، وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ...﴾

"Sungguh, Allah tidak mengampunkan dosa syirik. Dia mengampuni dosa selain syirik bagi sesiapa yang Dia kehendaki." (Surah al-Nisa': 48).

Dalam sebuah hadis, Nabi SAW bersabda:

«مَنْ لَقِيَ اللَّهَ لَا يُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا دَخَلَ الْجَنَّةَ، وَمَنْ لَقِيَهُ يُشْرِكُ بِهِ دَخَلَ النَّارَ»

"Sesiapa yang bertemu Allah tanpa melakukan sebarang syirik, dia pasti masuk syurga. Sesiapa yang bertemu-Nya dalam keadaan mensyirikkan-Nya, pasti masuk neraka." Riwayat Muslim.

- Tauhid akan menghalang seseorang daripada kekal dalam neraka, meskipun hanya ada sebiji sawi sahaja tauhid dalam hatinya. Nabi SAW bersabda:

«فَإِنَّ اللَّهَ قَدْ حَرَّمَ عَلَى النَّارِ مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، يَبْتَغِي بِذَلِكَ وَجْهَ اللَّهِ»

"Allah telah mengharamkan neraka bagi sesiapa

yang mengakui tiada yang berhak disembah selain Allah, semata-mata kerana mengharap melihat Wajah Allah." Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

- Tauhid yang murni akan menghasilkan keamanan sempurna di dunia dan akhirat. Allah SWT berfirman:

﴿الَّذِينَ ءَامَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ أُولَٰئِكَ لَهُمُ الْأَمْنُ وَهُمْ مُّهْتَدُونَ﴾ (AF)

"Orang-orang beriman dan tidak mencampurkan keimanan mereka dengan kezaliman syirik, mereka akan memperoleh kemananan, dalam keadaan mendapat hidayah." (Surah al-An'am: 82)

- Hanya dengan Tauhid, seseorang layak mendapat syafaat Nabi SAW:

«أَسْعَدُ النَّاسِ بِشَفَاعَتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ: مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، خَالِصًا مِنْ قَلْبِهِ أَوْ نَفْسِهِ»

"Manusia beruntung yang mendapat syafaatku pada hari Kiamat adalah orang yang mengakui tiada yang berhak disembah selain Allah, tulus murni daripada jiwanya." Riwayat al-Bukhari.

- Seluruh alam buana ini melaksanakan Tauhid, baik pegun mahupun bergerak, semuanya tunduk mentauhidkan Allah, menuturkan tasbih menyucikan-Nya. Allah SWT berfirman:

﴿تُسَبِّحُ لَهُ السَّمَوَاتُ السَّبْعُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ وَلَكِنْ لَا تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ إِنَّهُ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا﴾ (١١)

"Semua tujuh lapisan langit dan bumi, dan segala isinya, bertasbih menyucikan-Nya. Tidak ada sesuatu melainkan ia bertasbih dengan memuji-Nya, tetapi kamu tidak memahami tasbih mereka; Sungguh, Dia maha menahan diri, maha mengampunkan." (Surah al-Isra': 44).

Secara tuntas, kalimah Tauhid adalah "kalimah yang kerananya langit dan bumi utuh berdiri, kerananya semua makhluk diciptakan, kerananya Allah mengutuskan para rasul, menurunkan kita, mengatur syariat-Nya,

kerananya timbangan amal ditegakkan, catatan amal dilembarkan, syurga dan neraka diwujudkan. Dengan kalimah ini, makhluk terbahagi kepada mukmin dan kafir, baik dan jahat. Kalimah Tauhid adalah akar takdir dan syariat, asas ganjaran dan hukuman. Ia adalah Kebenaran, kerananya segala makhluk dicipta, tentangnya mereka dipersoal dan diperhitungkan, berdasarkan balasan diputuskan/ Ia menjadi kiblat ibadah, asas agama; kerananya pedang jihad dihunus. Ia adalah hak Allah yang wajib dipenuhi oleh setiap hamba; ia adalah kalimah Islam, kunci Syurga Darul Salam.

Tentang kalimah ini, manusia terdahulu dan kemudian akan dipersoalkan. Tidak ada kaki hamba yang berganjak di hadapan Allah, sehingga disoal tentang dua perkara: Apakah yang kamu sembah dahulu? Adakah kamu menyahut seruan para rasul? Untuk menjawab soalan pertama, perlu

diperkasakan "La Ilaha IllaLlah," dari sudut ilmu, pengakuran dan amalan. Untuk menjawab soalan kedua, perlu dilaksanakan "Muhammad itu utusan Allah," dari sudut ilmu, pengakuran, ketundukan dan ketaatan kepada Baginda.

Rukun Iman yang Enam:

Ketahuilah, wahai saudaraku ahli Tauhid; keimanan berdiri atas enam rukun. Jika satu rukun diabaikan, maka keimanan jadi terbatal, dan seseorang itu tidak lagi dianggap beriman.

Enam rukun tersebut adalah yang dinyatakan dalam Hadis Jibrail AS, ketika dia bertanya Rasulullah SAW:

«فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِيمَانِ، قَالَ: أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ، وَمَلَائِكَتِهِ، وَكُتُبِهِ، وَرُسُلِهِ، وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ، وَتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ»

"Ceritakan kepadaku berkenaan Iman." Baginda SAW menjawab, "Iman itu kamu beriman kepada Allah, dengan para malaikat-Nya, dengan semua kitab-Nya, dengan para rasul-Nya, dengan hari akhirat dan kamu beriman dengan takdir baik dan buruk." Riwayat Muslim.

Beriman kepada Allah

Kita beriman dengan ketuhanan Allah SWT; Dialah Tuhan yang menciptakan, memiliki dan mentadbir segala urusan alam ini.

Kita beriman dengan hak istimewa Allah SWT dalam ibadah; Dialah satu-satunya sembahyan yang

benar, setiap yang disembah selain Allah adalah batil.

Kita beriman kepada nama-nama dan sifat-sifat Allah SWT; Dia memiliki nama-nama terindah dan sifat-sifat sempurna.

Kita beriman kepada keesaan Allah dalam perkara tersebut; bahawa Allah tiada sekutu dalam ciri ketuhanan-Nya, tiada sekutu dalam hak istimewa-Nya untuk disembah, tiada sekutu pada nama-nama dan sifat-sifat-Nya.

Allah SWT berfirman:

﴿رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا فَاعْبُدْهُ وَاصْطَبِرْ لِعِبَادَتِهِ هَلْ تَعْلَمُ لَهُ

سَمِيًّا ﴿٦٥﴾﴾

"Tuhan (Yang Menguasai) langit dan bumi dan apa yang ada di antara keduanya; maka sembahlah Dia dan tetaplah tabah menyembah-Nya. Adakah kamu mengetahui sesiapa yang setara dengan-Nya?" (Surah Maryam: 65).

Allah SWT juga berfirman:

﴿لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ﴾

"Tiada sesuatu pun yang serupa dengan-Nya, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat." (Surah al-Syura: 11)

Kita beriman bahawa Allah SWT bersemayam di atas 'Arasy, mengetahui keadaan kita, mendengar ucapan kita, melihat perbuatan kita, mengatur urusan kita, memberi rezeki kepada yang miskin,

menguatkan yang lemah, memberikan kuasa kepada sesiapa yang Dia kehendaki, mencabut kuasa daripada sesiapa yang Dia kehendaki, memuliakan sesiapa yang Dia kehendaki, dan menghinakan sesiapa yang Dia kehendaki. Di tangan-Nya segala kebaikan, dan Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

Tuhan yang begini sifat-Nya, Dia-lah SWT bersama hamba dan para wali-Nya yang beriman dengan kebersamaan khusus, iaitu dengan pertolongan dan sokongan. Dia juga bersama dengan seluruh makhluk dengan kebersamaan umum, Dia memerhati seluruh makhluk-Nya serta keadaan mereka, mendengar ucapan mereka, mengetahui apa yang tersembunyi di dalam hati mereka dan selainnya.

Dia SWT berada di atas 'Arasy sebagaimana Dia telah memberitahu tentang diri-Nya:

﴿الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى﴾

"Yang Maha Pengasih, Dia bersemayam di atas Arasy." (Surah Taha: 5). tetapi Dia bersemayam dengan cara yang layak dengan keagungan-Nya:

﴿...لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ﴾

"Tiada sesuatu pun yang serupa dengan-Nya, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat." (Surah al-Syura: 11)

Kita beriman bahawa segala nama dan sifat yang

Allah tetapkan untuk diri-Nya, atau yang Rasul-Nya SAW tetapkan bagi-Nya, adalah benar dan wajib diterima. Kita juga berlepas diri daripada dua kesalahan besar, iaitu:

Yang pertama ialah penyerupaan (tamsil): iaitu mempercayai atau mengatakan bahawa sifat-sifat Allah SWT sama seperti sifat-sifat makhluk.

Yang kedua ialah penentuan cara (takyif): iaitu mempercayai atau mengatakan bahawa cara atau bentuk sifat-sifat Allah SWT adalah begini atau begitu.

Kita juga beriman bahawa segala perkara yang Allah nafikan daripada diri-Nya, atau yang Rasul-Nya SAW nafikan daripada-Nya, bahawa sememangnya tiada pada-Nya.

Penafian ini pada masa yang sama menegaskan kesempurnaan sifat lawannya — contohnya, Allah menafikan sifat zalim daripada diri-Nya kerana Dia memiliki sifat adil yang sempurna.

Kita tidak akan memberikan pendapat pada perkara yang Allah dan Rasul-Nya tidak tetap atau nafikan.

Beriman Dengan Malaikat

Kita beriman kepada malaikat-malaikat Allah SWT, bahawa mereka adalah:

﴿...عِبَادٌ مُّكْرَمُونَ ﴿٦٠﴾ لَا يَسْبِقُونَهُ بِالْقَوْلِ وَهُمْ بِأَمْرِ رَبِّهِمْ يَعْمَلُونَ ﴿٦١﴾﴾

“... hamba-hamba yang dimuliakan,

mereka tidak mendahului-Nya dalam perkataan dan mereka melaksanakan segala perintah-Nya.” (Surah al-Anbiya': 26-27).

Allah SWT menciptakan mereka daripada cahaya. Mereka sentiasa beribadah kepada-Nya dan patuh kepada perintah-Nya, sebagaimana firman-Nya:

﴿...لَا يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِهِ وَلَا يَسْتَحْسِرُونَ ﴿١٩﴾ يُسَبِّحُونَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ لَا يَفْترُونَ ﴿٢٠﴾﴾

“... mereka tidak menyombongkan diri daripada beribadah kepada-Nya, dan tidak merasa penat.

Mereka bertasbih siang dan malam tanpa henti.” (Surah al-Anbiya': 19-20).

Allah SWT telah menjadikan mereka tidak dapat dilihat oleh kita, namun kadangkala Dia menzahirkan mereka kepada sebahagian hamba-Nya.

Kita beriman bahawa malaikat mempunyai tugas-tugas yang telah ditetapkan untuk mereka, antaranya:

- Jibril — diamanahkan membawa wahyu, menurunkannya daripada Allah kepada sesiapa yang Dia kehendaki daripada nabi dan rasul-Nya.
- Mikail — diamanahkan menguruskan hujan dan tumbuhan.
- Israfil — diamanahkan meniup sangkakala pada waktu kehancuran (saat kiamat) dan

kebangkitan.

- Malaikat Maut — diamanahkan mencabut nyawa ketika kematian.

- Malaikat gunung — diamanahkan menguruskan gunung-gunung.

- Malaikat yang diamanahkan menguruskan janin dalam rahim.

- Malaikat yang diamanahkan menjaga keselamatan anak-anak Adam.

- Malaikat yang diamanahkan menulis amalan manusia; setiap orang memiliki dua malaikat, sebagaimana firman Allah SWT:

﴿...عَنِ الْيَمِينِ وَعَنِ الشِّمَالِ قَعِيدٌ ۖ مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ

عَتِيدٌ﴾ (١٨)

“... [malaikat] yang duduk di sebelah kanan dan di sebelah kiri,

tiada satu perkataan pun yang diucapkannya melainkan di sisinya ada malaikat pengawas yang sentiasa siap sedia.” (Surah Qaf: 17-18)

- Malaikat yang diamanahkan menyoal mayat setelah selesai pengkebumiannya.

Beriman Dengan Kitab

Kita beriman bahawa Allah SWT telah menurunkan kepada para rasul-Nya kitab-kitab sebagai hujah kepada seluruh alam dan sebagai panduan kepada orang-orang yang beriman.

Beriman kepada semua kitab ini adalah wajib;

kufur terhadap salah satunya bermakna kufur terhadap semuanya. Allah SWT berfirman:

﴿عَمَّنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ ۚ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ عَمَّنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ
وَكُتُبِهِ ۚ وَرُسُلِهِ ۚ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّن رُّسُلِهِ ۚ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۚ غُفْرَانَكَ رَبَّنَا
وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ ﴿٢٨٥﴾﴾

“Rasul telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya daripada Tuhannya, demikian juga orang-orang yang beriman. Semuanya beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya. (Mereka berkata): Kami tidak membeza-bezakan seorang pun daripada rasul-rasul-Nya. Dan mereka berkata: Kami dengar dan kami taat. Ampunilah kami wahai Tuhan kami, dan kepada-Mu tempat kembali.” (Surah al-Baqarah: 285).

Allah SWT menurunkan sebuah kitab bersama setiap rasul, sebagaimana firman-Nya:

﴿لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ النَّاسُ
بِالْقِسْطِ...﴾

“Sesungguhnya Kami telah mengutus rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang jelas, dan Kami menurunkan bersama mereka Kitab dan neraca supaya manusia dapat menegakkan keadilan...” (Surah al-Hadid: 25)

Antara kitab-kitab yang diturunkan ialah:

- Taurat – diturunkan kepada Nabi Musa AS,

kitab terpenting bagi Bani Israil. Allah SWT berfirman:

﴿إِنَّا أَنْزَلْنَا التَّوْرَةَ فِيهَا هُدًى وَنُورٌ...﴾

“Sesungguhnya Kami telah menurunkan Taurat yang di dalamnya terdapat petunjuk dan cahaya...”
(Surah al-Ma’idah: 44)

• Injil – diturunkan kepada Nabi Isa AS, membenarkan dan menyempurnakan Taurat. Allah SWT berfirman:

﴿وَقَفَّيْنَا عَلَىٰ آثَرِهِم بِعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ التَّوْرَةِ
وَأَتَيْنَاهُ الْإِنْجِيلَ فِيهِ هُدًى وَنُورٌ وَمُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ التَّوْرَةِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةً
لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٦٦﴾﴾

“Dan Kami iringi mereka dengan Isa anak Maryam, membenarkan kitab yang sebelumnya, iaitu Taurat. Dan Kami berikan kepadanya Injil yang di dalamnya terdapat petunjuk dan cahaya, membenarkan kitab yang sebelumnya iaitu Taurat, dan menjadi petunjuk serta pengajaran bagi orang-orang yang bertakwa.” (Surah al-Ma’idah: 46)

• Zabur – diberikan kepada Nabi Daud AS, sebagaimana firman Allah SWT:

﴿...وَأَتَيْنَا دَاوُدَ زَبُورًا﴾

“...dan Kami berikan Zabur kepada Daud.”
(Surah al-Isra’: 55).

• Suhuf Ibrahim dan Musa – sebagaimana firman Allah SWT:

﴿إِنَّ هَذَا لَفِي الصُّحُفِ الْأُولَىٰ صُحُفِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَىٰ﴾

“Sesungguhnya ini terdapat dalam lembaran-lembaran yang dahulu,

iaitu Suhuf (lembaran yang diturunkan kepada) Ibrahim dan Musa.” (Surah al-A’la: 18–19)

• Al-Quran al-‘Azim – diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, penutup para nabi. Allah SWT berfirman:

﴿...هُدًى لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ...﴾

“...[al-Quran diturunkan] sebagai petunjuk bagi manusia, keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk itu dan pembeza (antara yang benar dan batil)...” (Surah al-Baqarah: 185) Al-Quran membenarkan kitab-kitab sebelumnya dan menjadi hakim ke atasnya. Allah SWT berfirman:

﴿وَأَنزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ الْكِتَابِ وَمُهَيْمِنًا

عَلَيْهِ...﴾

“Dan Kami telah menurunkan kepadamu Kitab (al-Quran) dengan kebenaran, membenarkan kitab yang sebelumnya, dan menjadi pemelihara terhadapnya...” (Surah al-Ma’idah: 48)

Allah SWT memansuhkan semua syariat terdahulu dengan al-Quran dan menjamin pemeliharaannya daripada penyelewengan, sebagaimana firman-Nya:

﴿إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ﴾

“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Dzikir (al-Quran) dan sesungguhnya Kamilah yang memeliharanya.” (Surah al-Hijr: 9). Ini kerana al-Quran akan kekal menjadi hujah terhadap semua makhluk sehingga Hari Kiamat.

Tetapi kitab-kitab terdahulu selain al-Quran, semuanya sah dalam tempoh tertentu sehingga turunnya wahyu yang memansuhkannya. Pemeliharaan kitab-kitab selain al-Quran diserahkan kepada ulama dan rahib mereka, namun mereka tidak menjaganya; lalu berlaku padanya penyelewengan, penambahan, dan pengurangan. Allah SWT berfirman:

﴿مِنَ الَّذِينَ هَادُوا يُحَرِّفُونَ الْكَلِمَ عَنْ مَوَاضِعِهِ...﴾

“...dari kalangan orang-orang Yahudi, mereka mengubah perkataan dari tempat-tempatnya...” (Surah al-Nisa’: 46) Allah SWT juga berfirman:

﴿قَوْلٌ لِلَّذِينَ يَكْتُوبُونَ الْكِتَابَ بِأَيْدِيهِمْ ثُمَّ يَقُولُونَ هَذَا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ لِيَشْتَرُوا بِهِ ثَمَنًا قَلِيلًا قَوْلٌ لَهُمْ مِمَّا كَتَبْتُ أَيْدِيهِمْ وَقَوْلٌ لَهُمْ مِمَّا يَكْتُوبُونَ﴾

“Maka celakalah bagi orang-orang yang menulis kitab dengan tangan mereka, kemudian berkata: ‘Ini daripada Allah,’ untuk memperoleh harga yang sedikit. Maka celakalah bagi mereka terhadap apa yang telah ditulis oleh tangan mereka, dan celakalah bagi mereka terhadap apa yang mereka

usahakan.” (Surah al-Nisa’: 79).

Beriman Dengan Para Rasul

Kita beriman bahawa Allah SWT telah mengutus kepada makhluk-Nya para rasul dari kalangan manusia, sebagaimana firman-Nya:

﴿رُسُلًا مُّبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَى اللَّهِ حُجَّةٌ بَعْدَ الرُّسُلِ وَكَانَ اللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا﴾

“(Mereka adalah) para rasul sebagai pembawa khabar gembira dan pemberi peringatan, agar manusia tidak mempunyai hujah terhadap Allah setelah diutusnya para rasul. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.” (Surah al-Nisa’: 165).

Sesiapa yang kufur terhadap seorang nabi sahaja, maka dia telah kufur terhadap semua rasul; kerana tidak ada perbezaan antara seorang rasul dengan yang lain.

Seruan mereka adalah satu — iaitu beribadah hanya kepada Allah. Sesiapa yang kufur terhadap kerasulan Muhammad SAW kepada seluruh manusia, dia telah kufur terhadap semua rasul, termasuk rasul yang dia dakwa beriman dan mengikutinya.

Allah SWT berfirman:

﴿...لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّن رُّسُلِهِ...﴾

"...Kami tidak membezakan antara seorang pun daripada rasul-rasul-Nya." (Surah al-Baqarah:

285). Allah juga berfirman:

﴿...لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْهُمْ...﴾

“...Kami tidak membeza-bezakan antara seorang pun daripada mereka.” (Surah al-Baqarah: 136). Yakni, bahkan kami beriman kepada kesemuanya. Perhatikan firman Allah SWT:

﴿كَذَّبَتْ قَوْمُ نُوحٍ الْمُرْسَلِينَ ﴿١٠٥﴾﴾

"Kaum Nabi Nuh telah mendustakan para rasul." (Surah al-Syu'ara': 105) Allah menyifatkan mereka mendustakan semua rasul, walhal sebelum Nuh tidak ada seorang rasul pun.

Allah SWT berfirman:

﴿إِنَّ الَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ وَيُرِيدُونَ أَنْ يُفَرِّقُوا بَيْنَ اللَّهِ وَرُسُلِهِ وَيَقُولُوا نُؤْمِنُ بِبَعْضٍ وَنَكْفُرُ بِبَعْضٍ وَيُرِيدُونَ أَنْ يَتَّخِذُوا بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيلًا ﴿١٠٥﴾ أُولَٰئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ حَقًّا وَأَعْتَدْنَا لِلْكَافِرِينَ عَذَابًا مُّهِينًا ﴿١٠٦﴾ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ وَلَمْ يُفَرِّقُوا بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْهُمْ أُولَٰئِكَ سَوْفَ يُؤْتِيهِمْ أَجْرُهُمْ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿١٠٧﴾﴾

“Sesungguhnya orang-orang yang kufur kepada Allah dan para rasul-Nya, dan ingin membeza-bezakan antara Allah dan para rasul-Nya, serta berkata: ‘Kami beriman kepada sebahagian dan kami kufur kepada sebahagian yang lain,’ dan mereka mahu mengambil jalan di antara itu.

Mereka itulah orang-orang kafir yang sebenar-benarnya, dan Kami telah menyediakan bagi orang-

orang kafir azab yang menghinakan.

Dan orang-orang yang beriman kepada Allah dan para rasul-Nya, serta tidak membeza-bezakan antara seorang pun daripada mereka — mereka itulah yang akan Allah berikan ganjaran mereka. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.” (Surah al-Nisa': 150-152)

Kita beriman bahawa rasul yang pertama ialah Nuh AS dan yang terakhir ialah Muhammad SAW, sebagaimana firman-Nya:

﴿إِنَّا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ كَمَا أَوْحَيْنَا إِلَى نُوحٍ وَالنَّبِيِّينَ مِنْ بَعْدِهِ...﴾

“Sesungguhnya Kami telah mewahyukan kepadamu sebagaimana Kami telah mewahyukan kepada Nuh dan nabi-nabi setelahnya...” (Surah al-Nisa': 163).

Kita juga beriman bahawa yang paling mulia di antara para rasul ialah Muhammad SAW, kemudian Ibrahim AS, kemudian Musa AS, kemudian Nuh AS, dan kemudian Isa bin Maryam AS. Mereka inilah yang dimaksudkan dalam firman Allah SWT:

﴿وَإِذْ أَخَذْنَا مِنَ النَّبِيِّينَ مِيثَاقَهُمْ وَمِنْكَ وَمِنْ نُوحٍ وَإِبْرَاهِيمَ وَمُوسَىٰ وَعِيسَىٰ

أَبْنِ مَرْيَمَ ۖ وَأَخَذْنَا مِنْهُمْ مِيثَاقًا غَلِيظًا۝٧﴾

“Dan (ingatlah) ketika Kami mengambil perjanjian dari para nabi, dari kamu (wahai Muhammad), dari Nuh, dari Ibrahim, dari Musa, dan dari Isa putera Maryam; dan Kami telah mengambil daripada mereka perjanjian yang

teguh.” (Surah al-Ahzab: 7)

Kita beriman bahawa semua rasul adalah manusia yang diciptakan, mereka tidak memiliki sedikit pun sifat-sifat ketuhanan. Mereka semuanya adalah hamba-hamba Allah yang dimuliakan dengan kerasulan dan disifatkan dengan penghambaan.

Bahkan Allah SWT memerintahkan Muhammad SAW, yang merupakan rasul terakhir dan yang paling mulia, untuk berkata:

﴿قُلْ لَا أَمْلِكُ لِنَفْسِي نَفْعًا وَلَا ضَرًّا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ...﴾

“Katakanlah: Aku tidak memiliki bagi diriku sendiri sebarang manfaat atau mudarat kecuali apa yang Allah kehendaki...” (Surah al-A‘raf: 188)

Beriman Dengan Hari Akhirat

Kita beriman kepada Hari Akhirat; iaitu Hari Kiamat, hari yang tiada lagi hari selepasnya. Pada hari itu, semua manusia akan dibangkitkan semula untuk hidup selama-lamanya, sama ada di syurga yang penuh kenikmatan atau di neraka yang penuh azab.

Kita beriman kepada kebangkitan, iaitu Allah SWT menghidupkan kembali semua yang telah mati apabila malaikat Israfil meniup sangkakala untuk kali kedua:

﴿وَنُفِخَ فِي الصُّورِ فَصَعِقَ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ إِلَّا مَنْ شَاءَ اللَّهُ ثُمَّ

نُفَخَ فِيهِ أُخْرَىٰ فَإِذَا هُمْ قِيَامٌ يَنْظُرُونَ ﴿١٠١﴾

“Sangkakala ditiup, lalu matilah semua yang di langit dan di bumi, kecuali sesiapa yang Allah kehendaki. Kemudian ditiup sekali lagi, tiba-tiba mereka berdiri menunggu (perintah Allah).” (Surah al-Zumar: 68) Manusia akan keluar dari kubur menghadap Tuhan seluruh alam, tanpa kasut, tanpa pakaian, belum berkhatan, sebagaimana firman Allah SWT:

﴿...كَمَا بَدَأْنَا أَوَّلَ خَلْقٍ نُعِيدُهُ وَعَدًا عَلَيْنَا إِنَّا كُنَّا فَاعِلِينَ﴾

“...Sebagaimana Kami memulakan penciptaan pertama, begitulah Kami mengulanginya. Itulah janji yang pasti Kami tunaikan, dan sesungguhnya Kamilah yang melaksanakannya.” (Surah Al-Anbiya: 104)

Kita beriman bahawa setiap orang akan menerima catatan amalannya. Orang beriman akan menerimanya dengan tangan kanan, sementara orang kafir menerimanya dari belakang tangan kiri mereka. Firman Allah SWT:

﴿وَكُلٌّ إِنْسَانٍ أَلْزَمْنَاهُ طَلِيبَهُ فِي عُنُقِهِ وَنُخْرِجُ لَهُ يَوْمَ الْقِيَمَةِ كِتَابًا يَلْقَاهُ مَنشُورًا ﴿١٣﴾ أَقْرَأُ كِتَابِكَ كَفَىٰ بِنَفْسِكَ الْيَوْمَ عَلَيْكَ حَسِيبًا ﴿١٤﴾﴾

“Setiap manusia telah Kami tetapkan amalannya pada lehernya, dan pada Hari Kiamat Kami keluarkan untuknya kitab (catatan) yang dia dapati terbuka.

‘Bacalah kitabmu! Cukuplah dirimu sendiri pada hari ini yang menghisabmu.’” (Surah al-Isra’: 13-14) Allah SWT juga berfirman:

﴿فَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ بِيَمِينِهِ ۖ فَسَوْفَ يُحَاسَبُ حِسَابًا يَسِيرًا ۖ وَيَنْقَلِبُ إِلَىٰ أَهْلِهِ مَسْرُورًا ۝ وَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ وَرَاءَ ظَهْرِهِ ۖ فَسَوْفَ يَدْعُوا ثُبُورًا ۝ وَيَصْلَىٰ سَعِيرًا ۝﴾

“Sesiapa yang menerima kitabnya dengan tangan kanan,
dia akan dihisab dengan mudah,
dan kembali kepada keluarganya dengan gembira.

Tetapi sesiapa yang menerima kitabnya dari belakang,
dia akan menjerit celaka,
lalu masuk ke dalam api yang menyala-nyala.”
(Surah al-Insyiqaq: 7-12)

Kita beriman bahawa timbangan amalan akan ditegakkan pada hari itu, dan tidak ada sesiapa pun yang akan dizalimi walau sebesar zarah. Firman Allah SWT:

﴿وَنَضَعُ الْمَوَازِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمِ الْقِيَمَةِ فَلَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَإِنْ كَانَ مِثْقَالُ حَبَّةٍ مِّنْ خَرْدَلٍ أَتَيْنَا بِهَا وَكَفَىٰ بِنَا حَاسِبِينَ ۝﴾

“Kami akan letakkan timbangan yang adil pada Hari Kiamat, maka tidak ada satu jiwa pun yang dizalimi walau sedikit. Sekalipun amalannya seberat biji sawi, pasti Kami membentangkannya.

Cukuplah Kami sebagai Penghitung.” (Surah al-Anbiya': 47). Allah SWT juga berfirman:

﴿فَمَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ﴾ وَمَنْ خَفَّتْ مَوَازِينُهُ فَأُولَٰئِكَ الَّذِينَ خَسِرُوا أَنفُسَهُمْ فِي جَهَنَّمَ خَالِدُونَ ﴿١٣﴾

“Sesiapa yang berat timbangannya, dialah orang yang berjaya.

Dan sesiapa yang ringan timbangannya, merekalah yang rugi, mereka kekal di dalam neraka Jahanam.” (Surah al-Mu'minin: 102-103).

Kita beriman kepada syafaat agung yang diberikan khusus kepada Rasulullah SAW untuk memutuskan pengadilan antara makhluk dan memasukkan orang beriman ke dalam syurga.

Kita juga beriman kepada syafaat untuk mengeluarkan orang beriman yang masuk neraka, yang diberikan oleh Nabi SAW, para nabi lain, orang beriman dan para malaikat.

Kita beriman kepada telaga Nabi SAW dan titian (sirat) yang dibentangkan di atas neraka Jahanam, yang akan dilalui manusia mengikut kadar amalan masing-masing.

Kita beriman kepada semua perkara yang disebut dalam al-Quran dan al-Sunnah tentang peristiwa dan dahsyatnya hari itu, semoga Allah memudahkan kita melaluinya.

Kita juga beriman bahawa syurga dan neraka wujud sekarang dan akan kekal selama-lamanya.

Syurga adalah tempat penuh nikmat yang Allah sediakan untuk orang beriman dan bertakwa, manakala neraka adalah tempat azab untuk orang kafir dan zalim.

Allah SWT menceritakan azab yang menimpa keluarga Firaun di alam kubur dan di akhirat:

﴿...وَحَاقَ بِآلِ فِرْعَوْنَ سُوءُ الْعَذَابِ ۝ النَّارُ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا غُدُوًّا وَعَشِيًّا وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ أَدْخِلُوا آلَ فِرْعَوْنَ أَشَدَّ الْعَذَابِ ۝﴾

“...Azab yang buruk menimpa keluarga Firaun.

Neraka diperlihatkan kepada mereka pagi dan petang, dan pada hari Kiamat dikatakan: ‘Masukkan keluarga Firaun ke dalam azab yang paling berat.’”
(Surah Ghafir: 45-46). Allah SWT berfirman:

﴿وَلَنُذِيقَنَّهُم مِّنَ الْعَذَابِ الْأَدْنَىٰ دُونَ الْعَذَابِ الْأَكْبَرِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ۝﴾

“Kami akan rasakan kepada mereka azab yang dekat (di kubur) sebelum azab yang besar (di akhirat), mudah-mudahan mereka kembali (insaf).”
(Surah al-Sajadah: 21)

Seorang mukmin wajib beriman dengan semua yang datang daripada al-Quran dan al-Sunnah berkenaan perkara-perkara ghaib ini, dan tidak membandingkannya dengan apa yang dilihat di dunia. Perkara akhirat tidak boleh diukur dengan dunia, kerana perbezaannya sangat besar.

Beriman Dengan Ketentuan Allah

Kita beriman kepada qada' dan qadar, sama ada

yang baik mahupun yang buruk.

Qada' dan qadar ialah ketetapan Allah SWT terhadap segala yang berlaku, selaras dengan ilmu-Nya yang terdahulu dan hikmah-Nya yang sempurna.

Qada' dan qadar mempunyai empat peringkat:

1. Ilmu

Kita beriman bahawa Allah SWT Maha Mengetahui segala sesuatu. Dia mengetahui apa yang telah berlaku, apa yang sedang berlaku, apa yang akan berlaku, dan bagaimana ia akan berlaku.

2. Penulisan

Kita beriman bahawa Allah SWT telah menulis segala sesuatu yang akan berlaku hingga Hari Kiamat di dalam Lauh Mahfuz. Firman Allah:

﴿أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ إِنَّ ذَلِكَ فِي كِتَابٍ إِنَّ ذَلِكَ عَلَى

اللَّهِ يَسِيرٌ﴾

“Tidakkah engkau tahu bahawa Allah mengetahui segala yang ada di langit dan di bumi? Sesungguhnya itu semua tertulis dalam sebuah kitab. Sesungguhnya itu mudah bagi Allah.” (Surah al-Hajj: 70)

3. Kehendak (Masyi'ah)

Kita beriman bahawa tidak ada sesuatu pun yang berlaku melainkan dengan kehendak Allah. Apa yang Dia kehendaki pasti berlaku, dan apa yang tidak Dia kehendaki pasti tidak berlaku. Firman

Allah:

﴿وَرَبُّكَ يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَيَخْتَارُ...﴾

“Tuhanmu mencipta apa yang Dia kehendaki dan memilih (apa yang Dia mahu)...” (Surah al-Qasas: 86)

4. Penciptaan

Kita beriman bahawa Allah SWT adalah Pencipta segala sesuatu yang telah berlaku. Firman-Nya:

﴿اللَّهُ خَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ ﴿٣٦﴾ لَهُ مَقَالِيدُ السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضِ...﴾

“Allah adalah Pencipta segala sesuatu, dan Dia adalah Pemelihara atas segala sesuatu.

Milik-Nya kunci-kunci (perbendaharaan) langit dan bumi...” (Surah al-Zumar: 62-63).

Maka segala yang dilakukan oleh manusia, sama ada perkataan, perbuatan, atau meninggalkan sesuatu, semuanya diketahui Allah, telah tertulis di sisi-Nya, Dia telah menentukannya, dan Dia menciptakannya.

Pun begitu, kita juga beriman bahawa Allah SWT memberikan kepada manusia pilihan dan kemampuan untuk bertindak. Dengan pilihan dan kemampuan itu, manusia melakukan amalannya.

Oleh itu, seseorang yang berbuat dosa tidak boleh menjadikan qadar Allah sebagai alasan untuk membenarkan maksiat, kerana dia melakukannya dengan pilihannya sendiri, tanpa mengetahui

bahawa Allah telah menentukannya untuknya.

Sesungguhnya, tidak ada seorang pun yang mengetahui qadar Allah melainkan setelah sesuatu itu berlaku. Firman-Nya:

﴿...وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ مَّاذَا تَكْسِبُ غَدًا...﴾

“...Dan tidak ada satu jiwa pun yang mengetahui apa yang akan diusahakannya esok...” (Surah Luqman: 34)

Kita memohon kepada Allah SWT agar memberi taufik kepada kita untuk memiliki ilmu yang bermanfaat dan amal yang soleh, mengajarkan kepada kita apa yang berguna, memberi manfaat dengan ilmu yang Dia ajarkan, menambah ilmu kita, menjaga agama kita, menerima amalan soleh kita, dan menjauhkan kita daripada kesilapan. Amin.

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.

Selawat serta salam Allah ke atas Nabi kita Muhammad, juga ke atas keluarganya dan seluruh para sahabatnya.

الفهرس

Akidah Yang Benar	2
Rukun Iman yang Enam:	13
Beriman kepada Allah	13
Beriman Dengan Malaikat	16
Beriman Dengan Kitab	18
Beriman Dengan Para Rasul	23
Beriman Dengan Hari Akhirat	26
Beriman Dengan Ketentuan Allah	30





رسالة الحرمين

Risalah Al-Haramain

Panduan untuk jemaah Masjidil Haram
dan Masjid Nabawi dalam pelbagai bahasa

